

DATE: 12/5/2010

Pemimpin parti mesti turun padang

BH-12/05/2010

Pastikan Umno terus kekal, relevan: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Umno akan kekal selagi parti itu memenuhi kehendak rakyat, selalu berjumpa rakyat dan rajin turun padang, kata bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau yakin jika semua pemimpin Umno rajin turun padang dan berjumpa rakyat, parti itu akan terus kekal dan relevan, khususnya pada masyarakat Melayu.

Beliau yang kelihatan kurang sihat tetap menghadiri majlis Ulang Tahun ke-64



Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, malam tadi.

Sementara itu, bekas Naib Presiden Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata rakyat mahukan perubahan minda yang seiring dengan

perubahan zaman.

Bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Sabaruddin Chik, berkata Umno kini semakin kuat dan untuk kekal keadaan itu, parti perlu berani membuat perubahan dan sentiasa bersifat terbuka untuk menerima teguran.

“Jangan mudah melatah apabila menerima kritikan,” katanya.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hassan, berkata Umno perlu serius jika mahu membuat transformasi.

“Kalau kita hendak buat



NAJIB dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Dr Mahathir pada majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa kesyukuran sempena sambutan Hari Umno ke-64 di PWTC, semalam.

transformasi parti, kita kena teruskan dan tidak boleh jalan setengah-setengah. Transformasi LDP di Jepun sebagai contoh dibuat setengah jalan dan orang menyampah maka orang menolaknya dan siapa boleh menyangka LDP boleh ka-

lah,” katanya.

Pandangan itu dikongsi Ketua Puteri Umno, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, yang mahu kisah kepemimpinan LDP di Jepun dijadikan iktibar untuk membawa perubahan positif pada Umno.

“Masyarakat khususnya orang Melayu tidak pernah menolak Umno,” katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Shafie Apdal, berkata Umno perlu sentiasa relevan setiap masa pada masyarakat bagi memastikan ia kekal diterima rakyat.